

Headline	Program amal AATS rai anak yatim		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	L-27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,425
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,275



Program amal AATS rai anak yatim

SHAH ALAM 10 April - Sebanyak 400 anak yatim diraikan oleh Advanced Air Traffic System (M) Sdn. Bhd. sempena sambutan ulang tahun ke-20 syarikat berkenaan dalam program amal, Fun Walk di Stadium Shah Alam di sini semalam.

Pengerusi AATS, Datuk Zolkipli Abdul berkata, program tersebut dianjurkan bertujuan menzahirkan rasa syukur kepada Allah yang

memberkati operasi syarikat itu sejak ditubuhkan 20 tahun lalu.

Menurutnya, beberapa aktiviti turut mendedahkan kanak-kanak terbabit kepada aeroangkasa dan pentingnya bidang tersebut dalam kehidupan seharian.

"Selain berjalan amal, aktiviti serta penerangan mengenai aeroangkasa dan elektromagnetik bumi juga diadakan untuk anak-anak yatim ini oleh pelajar

dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik Universiti Teknologi Mara Shah Alam (UiTM)," katanya kepada pemberita selepas program berkenaan.

Program berkenaan turut dimeriahkan dengan kehadiran selebriti terkenal seperti Faizal Ismail atau FBI selaku pengacara majlis, Marsha Milan Londoh serta Syarifah Sakinah sebagai artis jemputan.



ZOLKIPLI Abdul (tengah) bergambar bersama anak-anak yatim yang diraikan dalam program amal AATS Charity Fun Walk di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor, semalam.